


Lega tiada air pasang besar



ISA meninjau keadaan ombak di belakang rumahnya.

Kota Bharu: Penduduk yang tinggal di kawasan pesisir pantai di sini, lega kerana fenomena Supermoon yang berlaku malam kelmarin tidak mengakibatkan air pasang besar hingga menjejaskan penempatan mereka.

Bagaimanapun, mereka tetap berjaga-jaga berikutan musim tengkujuh di pantai timur belum berakhir.

Tinjauan Harian Metro di Kampung Pulau Kundor dan Kampung Pantai Dasar, Sabak mendapati kebanyakan penduduk mengakui masih trauma dengan impak air pasang besar yang pernah dialami sebelum ini.

Seorang penduduk Kampung Pulau Kundor, Isa Hassan, 60, berkata, berikutan trauma, dia kerap meninjau keadaan ombak di belakang rumahnya kelmarin hampir

setiap jam bermula 6 petang.

“Pihak berkuasa mengeluarkan amaran fenomena Supermoon membawa bersama air pasang besar dan kerana masih teringat kejadian pada Januari lalu, saya lebih bersiap sedia kali ini.

“Memang pada jam 6 petang berlaku air pasang dan angin kencang. Benteng penahan ombak pasir didirikan juga sedikit sebanyak terjejas kerana ombak kuat hingga jam 10 malam.

“Memang setiap jam saya dan penduduk kampung lain meninjau keadaan ombak kerana kami risau kejadian dulu berulang tetapi Alhamdulillah keadaan menakutkan ini berakhir dengan tiada kerosakan kepada kediaman kami,” katanya ketika ditemui di rumahnya di sini, semalam.

Seorang lagi penduduk, Raja Maznah Raja Omar, 49, berkata, pelbagai persediaan dilakukan sejak bulan lalu sebaik memasuki musim tengkujuh.

Katanya, dia dan keluarga bernasib baik kerana penempatan penduduk di Kampung Pantai Dasar lebih selamat daripada fenomena air pasang besar berbanding empat tahun lalu.

“Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah melaksanakan projek lapis lindung dengan pembinaan batu konkrit bagi mengelak limpahan air laut.

“Bagaimanapun, saya tetap risau dengan amaran air pasang kerana bongkah batu boleh pecah jika dibadai ombak besar dan kami sekeluarga tetap dalam keadaan berjaga-jaga,” katanya.